

10 MAR 2003

NAM-SANJUNGAN/I

MALAYSIA TERUS TERIMA SANJUNGAN KERANA MENGANJURKAN SIDANG KEMUNCAK NAM

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) telahpun berlangsung dan berlalu, namun sanjungan bagi Malaysia, pengerusi NAM sekarang, terus mencurah-curah.

Sebuah artikel yang ditulis oleh Theo Yusuf dari agensi berita Antara menyanjung Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disifatkannya sebagai "Suara Negara-Negara Selatan."

Penulis itu juga memetik rektor Universiti Islam Makasar, Prof Dr Zainuddin Taha, sebagai berkata bahawa kejayaan Malaysia harus menjadi contoh untuk diikuti oleh negara-negara NAM yang lain.

Selepas merudum semasa krisis kewangan Asia dalam tahun-tahun 1997 dan 98, ekonomi Malaysia pulih dan menjadi bertambah baik.

Tahun lalu, misalnya, menyaksikan Malaysia mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 4.2 peratus setelah menyaksikan pertumbuhan hanya sebanyak 0.4 peratus pada tahun 2001, tahun seluruh dunia dilanda ekonomi lembap dan kesan daripada serangan pada 11 September. Pegangan rizab luar negara Malaysia pada akhir bulan Januari 2003 mencapai tahap yang kukuh, iaitu sebanyak AS\$33.5 bilion.

Pengarah Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa Indonesia, Pande Raja Silalahi dan dekan fakulti ekonomi di Universiti Trisakti, Bob Widyahartono, turut disebut dalam artikel berita Antara itu, apabila mereka menyanjung keberanian Mahathir yang lantang bersuara menentang syarat-syarat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan kerana begitu pantas membawa Malaysia keluar daripada krisis kewangan Asia itu.

Bagi NAM, Dr Mahathir segera memulakan tugas yang perlu dilaksanakan dengan nada yang betul ketika merasmikan Forum Perniagaan NAM. Beliau dengan tegas menyeru supaya mesej yang jelas dihantar kepada pihak-pihak yang memperkecilkan pergerakan itu bahawa "NAM masih hidup dan berhasrat untuk memainkan peranan utama dalam era pasca-Perang Dingin."

"NAM adalah sebuah forum utama bagi perundingan dan penyelarasan kedudukan mengenai isu-isu politik dan ekonomi di kalangan negara-negara membangun," kata beliau.

Dalam hubungan ini, Dr Mahathir menegaskan peri perlunya pergerakan yang dianggotai 116 negara itu bercakap dengan satu suara, khususnya dalam menangani isu-isu ekonomi yang cenderung untuk memihak kepada negara-negara maju pada masa ini.

"Kita mesti kekal bersama dan bertindak bersama," katanya.

Pada masa yang sama, konsep "memakmurkan jiran anda" Dr Mahathir telah mendapat sambutan. Orang terbaru yang menerima konsep ini ialah presiden Timor Leste, Xanana Gusmao, yang telah meminta pelabur-pelabur Malaysia meneroka peluang-peluang perniagaan dalam sektor pembuatan, pelancongan, perikanan dan pertanian di negaranya. Timor Leste juga meminta bantuan Malaysia dalam menggubal dasar-dasar ekonominya.

Ini mengingatkan kita kepada apa yang dikatakan oleh Dr Mahathir pada Forum Perniagaan NAM bahawa banyak urusan yang perlu dilaksanakan di negara-negara Selatan.

"Apakah sebabnya negara-negara Utara berkelahi sesama sendiri kalau bukan untuk mendapatkan peluang perniagaan negara-negara Selatan?," tanya beliau.

Ini bererti bahawa peluang-peluang perniagaan memang wujud di negara-negara Selatan dan ia juga bererti bahawa syarikat-syarikat di negara-negara Selatan sendiri boleh mendapatkan peluang-peluang ini dan

memastikan lebih banyak daripada kekayaan itu kekal di negara-negara Selatan, katanya.

Dr Mahathir juga memperlihatkan kesungguhan beliau apabila beliau mencadangkan penubuhan Majlis Perniagaan NAM, suatu wadah di mana masyarakat perniagaan negara-negara Selatan boleh belajar untuk bekerjasama, untuk mengkaji dan berbincang serta mencari jalan bagi mengatasi masalah mereka.

Pada akhir sidang kemuncak NAM yang berjaya itu, mulut mereka yang memperkecilkan NAM tertutup rapat. Dan baru-baru ini, Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata bahawa walaupun wujud pihak-pihak yang memperkecilkan NAM, namun Malaysia telah berjaya menunjukkan kepada mereka bahawa NAM terus hidup dan tetap relevan.

Katanya, ada media asing tertentu mengutuk Malaysia semasa krisis kewangan serantau dahulu, tetapi perbuatan mereka itu tidak menghalang negara ini daripada mengambil langkah-langkah untuk menangani situasi itu.

"Mereka mengkritik Malaysia dan Perdana Menteri, tetapi kita terus maju ke hadapan. Kita tahu apa yang kita lakukan dan kita telah berjaya," katanya.

Semasa krisis kewangan itu, kata Abdullah, Malaysia tidak menggunakan strategi yang lazim digunakan, iaitu dengan menerima jalan penyelesaian yang ditawarkan oleh IMF, sebaliknya mengambil langkah-langkah yang disifatkan sebagai paling tidak orthodox.

"Akhirnya kita telah buktikan bahawa apa yang kita lakukan itu betul. Kita tidak menanggung kos sosial yang tinggi untuk mencapai pemulihan ekonomi," tegas beliau. -- BERNAMA

SHY MR KY AHM